

Diluluskan dalam :  
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Siri 4 Bil 2 Tahun 2012  
18 Disember 2012  
Dikemaskini pada: 29 Januari 2014



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
PELAN TINDAKAN INOVASI JPS  
TAHUN 2014**

## MAKLUMAT PENGEMASKINIAN PELAN TINDAKAN INOVASI JPS

INISIATIF		TAHUN PELAKSANAAN		
		2011	2012	2013/2014
<b>PELAN TINDAKAN SPESIFIK BAHAGIAN DAN NEGERI</b>				
Inisiatif No. 1	:Pusat Sumber Inovasi	Baharu	Dikekalkan	Dikekalkan
Inisiatif No. 2	:Penandaarasan	Baharu	Dikekalkan	Dikekalkan dan ditambah Inisiatif pilihan iaitu Perekayasaan
Inisiatif No. 3	:Sembang-Sembang Inovasi	Baharu	Penjenamaan Semula kepada Bicara Inovasi	Digugurkan dan diganti Inisiatif Komitmen Pengurusan Atasan
Inisiatif No. 4	:Pengurusan Idea	Baharu	Dikekalkan	Dikekalkan
Inisiatif No. 5	:Anjung Kreatif	Baharu	Diganti ke inisiatif No.8 : Galeri Inovasi (Tindakan spesifik BAP)	Digugurkan dan diganti Inisiatif Perkongsian dan Penyebaran Maklumat
Inisiatif No. 6	:Minggu Kreativiti	Baharu	Ditukar ke Inisiatif No.5	Digugurkan
Inisiatif No. 7	:Kumpulan Inovatif & Kreatif	Baharu	Ditukar ke Inisiatif No.6	Dikekalkan dan ditukar ke Inisiatif No.6
Inisiatif No. 8	:Cabaran Inovasi	Baharu	Ditukar ke Inisiatif No.7	Dikekalkan dan ditukar ke Inisiatif No.7
<b>PELAN TINDAKAN SPESIFIK BAHAGIAN AUDIT PRESTASI</b>				
Inisiatif No. 8	:Galeri Inovasi	-	Baharu	Dikekalkan
Inisiatif No. 9	:Hari Inovasi JPS	Baharu	Dikekalkan dan ditukar ke Inisiatif No. 13	Dikekalkan
Inisiatif No. 10	:E-Buletin JPS	Baharu	Dikekalkan dan ditukar ke Inisiatif No. 9	Dikekalkan
Inisiatif No. 11	:Facebook Inovasi	Baharu	Dikekalkan dan ditukar ke Inisiatif No. 10	Dikekalkan
Inisiatif No. 12	:Penghasilan Artikel dalam Jurnal JPS	Baharu	Dikekalkan	Dikekalkan
Inisiatif No. 13	:Bank Inovasi JPS	Baharu	Dikekalkan dan ditukar ke Inisiatif No. 11	Dikekalkan
Inisiatif No. 14	:Media Massa	Baharu	Digugurkan	-

WAWASAN 2020

MISI NASIONAL

MENERAJUI PENGURUSAN SUMBER ASLI DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR SECARA BERKEKALAN (VISI NRE)

MENJADI ORGANISASI SEKTOR AWAM ANTARA YANG UNGGUL DI DUNIA (VISI JPS)

INISIATIF No. 1 :

KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

INISIATIF No. 2 :

PUSAT SUMBER INOVASI

INISIATIF No. 3 :

PENANDAARASAN / PEREKAYASAAN

INISIATIF No. 4 :

PENGURUSAN IDEA

INISIATIF No. 5 :

PERKONGSIAN & PENYEBARAN MAKLUMAT

INISIATIF No. 6 :

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF

INISIATIF No. 7 :

CABARAN INOVASI

INISIATIF No. 8 :

GALERI INOVASI

INISIATIF No. 9 :

E-BULETIN INOVASI

INISIATIF No. 10 :

FACEBOOK INOVASI

INISIATIF No. 11 :

BANK INOVASI JPS

INISIATIF No. 12 :

PENGHASILAN ARTIKEL DALAM JURNAL JPS

INISIATIF No. 13 :

HARI INOVASI JPS

PELAN TINDAKAN INOVASI JPS 2014

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>ELEMEN PELAN TINDAKAN INOVASI JPS</b>	<b>2</b>
<b>PELAN TINDAKAN SPESIFIK UNTUK TINDAKAN JPS BAHAGIAN &amp; NEGERI</b>	<b>3</b>
<b>Inisiatif No. 1 : Komitmen Pengurusan Atasan</b>	<b>4-5</b>
<b>Inisiatif No. 2 : Pusat Sumber Inovasi</b>	<b>6</b>
<b>Inisiatif No. 3 : Penandaarasan atau Perekayasaan</b>	<b>7-8</b>
<b>Inisiatif No. 4 : Pengurusan Idea</b>	<b>9-10</b>
<b>Inisiatif No. 5 : Perkongsian dan Penyebaran Maklumat</b>	<b>11</b>
<b>Inisiatif No. 6 : Kumpulan Inovatif &amp; Kreatif</b>	<b>12-13</b>
<b>Inisiatif No. 7 : Cabaran Inovasi</b>	<b>14-15</b>
<b>PELAN TINDAKAN SPESIFIK UNTUK TINDAKAN BAHAGIAN AUDIT PRESTASI</b>	<b>16</b>
<b>Inisiatif No. 8 : Galeri Inovasi</b>	<b>17</b>
<b>Inisiatif No. 9 : E-Buletin Inovasi</b>	<b>17</b>
<b>Inisiatif No. 10 : Facebook Inovasi</b>	<b>17</b>
<b>Inisiatif No. 11 : Bank Inovasi JPS</b>	<b>18</b>
<b>Inisiatif No. 12 : Penghasilan Artikel Inovasi dalam Jurnal JPS</b>	<b>18</b>
<b>Inisiatif No. 13 : Hari Inovasi JPS</b>	<b>18</b>
<b>SCORECARD PENGARAH BAHAGIAN &amp; NEGERI</b>	<b>19</b>
<b>SENARAI AHLI MAKMAL KAJIAN SEMULA PELAN TINDAKAN INOVASI 2013</b>	<b>20</b>
<b>PENUTUP</b>	<b>21</b>

## PENGENALAN

**G**elombang perubahan yang melanda sebahagian besar negara di dunia pada awal abad ini telah menyaksikan perubahan lanskap ekonomi dan sosial di banyak negara. Perubahan-perubahan ini turut menuntut transformasi dilaksanakan ke atas sistem penyampaian kerajaan. Selaras dengan itu, Y.A.B Perdana Menteri telah menggariskan dalam mencapai matlamat Malaysia sebagai sebuah negara maju, elemen kreativiti dan inovasi perlu dibudayakan secara menyeluruh agar dapat menganjukkan ekonomi negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Aspek kreativiti perlu dihayati oleh penjawat awam dalam menerajui perkhidmatan awam negara terutamanya untuk menjana idea-idea baharu bagi melangkaui ekspektasi dan permintaan rakyat. Mereka perlu berfikiran kritis dan konstruktif dalam mencari penyelesaian kreatif sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah kerja baharu di luar kotak kelaziman.

Justeru, budaya kreatif menjadi agenda penting nasional dalam menghasilkan perubahan berimpak besar kepada perkhidmatan awam. Hakikat bahawa kerajaan memberi penekanan yang cukup serius kepada usaha mengurus perdanakan inovasi jelas terlihat apabila YAB Perdana Menteri telah mengisytiharkan tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi Negara dan tahun-tahun berikutnya sebagai Tempoh Pelestarian Inovasi Negara.

Justeru itu, Pelan Tindakan Inovasi JPS Malaysia telah dibangunkan di JPS mulai tahun 2010 sebagai satu pendekatan terancang dan bersistematik dalam melaksanakan dan meningkatkan pembudayaan inovasi di JPS Malaysia selaras dengan arahan Y.A.B Perdana Menteri dalam agenda transformasi negara. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Ketua Pengarah telah menetapkan untuk semua Pengarah Bahagian serta Pengarah Negeri mencapai sekurang-kurangnya 80% markah bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Inovasi dalam Sasaran Kerja Tahunan masing-masing.



*“...saya tidak mahu budaya “automation” menjadi satu hakikat kehidupan dalam sektor awam. Kita seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian inovatif di luar kelaziman.”*

**- Najib Tun Razak (2010)**

# PELAN TINDAKAN INOVASI

Pelan Tindakan Inovasi JPS Malaysia terbahagi kepada 5 elemen utama dengan objektif-objektif setiap satunya diterangkan seperti berikut :

## Elemen 1 : Pengurusan Ilmu dan Organisasi

Objektif :

1. Memupuk budaya perkongsian ilmu merentasi organisasi.
2. Menjana Idea Kreatif & menghasilkan inovasi.
3. Menjalankan penandaarasan amalan terbaik dengan agensi dalam/luar negara.

## Elemen 2 : Pengurusan Idea

Objektif :

1. Mewujudkan platform untuk memberi cadangan/komen/idea dari warga JPS /Pelanggan/ Stakeholders.
2. Menguruskan idea daripada warga JPS dan Pelanggan.

## Elemen 3 : Program Kesedaran & Promosi

Objektif :

1. Meningkatkan kesedaran tentang perlunya pendekatan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan.
2. Mempromosikan hasil inovasi yang dilaksanakan.

## Elemen 4 : Inovasi & Kreativiti

Objektif :

1. Melaksanakan Inovasi dengan menghalusi cadangan/komen/idea dari warga/pelanggan.
2. KIK dapat menyemai semangat “esprit de corps” / “comradeship”.
3. Menghasilkan inovasi berimpak tinggi.
4. Mewujudkan persaingan sihat dikalangan warga untuk penghasilan inovasi.

## Elemen 5 : Pengiktirafan

Objektif :

Memberi pengiktirafan kepada individu atau kumpulan yang berjaya.

**PELAN TINDAKAN SPESIFIK  
UNTUK TINDAKAN  
BAHAGIAN & NEGERI**

## TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk membantu Pengarah-pengarah JPS Bahagian dan Negeri merancang dan melaksanakan Tujuh (7) Inisiatif bercirikan inovatif dan kreatif di pejabat masing-masing.

## GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG DAN AKTIVITI-AKTIVITI PENINGKATAN KREATIVITI DAN INOVASI

Bagi mewujudkan satu budaya kerja yang berteraskan kecemerlangan dan inovasi di kalangan semua warga, beberapa aktiviti hendaklah dilaksanakan untuk meningkatkan kreativiti dan inovasi. Aktiviti-aktiviti ini adalah seperti berikut:

### INISIATIF NO. 1 : KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

#### PENERANGAN

Penglibatan **Pengurusan Atasan Bahagian/Negeri** dalam **aktiviti inovasi** di pejabat masing-masing. Pembuktian inisiatif ini akan disemak melalui minit-minit mesyuarat yang diadakan. **Aktiviti Inovasi** ditakrifkan sebagai aktiviti yang dilaksanakan yang **mempunyai elemen/perkara baru** yang bertujuan mewujudkan persekitaran kerja dan warga yang kreatif dan inovatif serta penggerak transformasi proses kerja di pejabat.

#### Contoh aktiviti inovasi:

- i. Mengadakan pameran sempena Expo inovasi peringkat kebangsaan
- ii. Melaksanakan *technical talk* teknologi baru di JPS

#### KPI

- i. Kekerapan mesyuarat
- ii. Bilangan pelaksanaan aktiviti

#### SKOR

- i. **Kekerapan Mesyuarat**

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	0
BT	5.5	1 kali / tahun
OT	8	2 kali / tahun
ET	10	> 2 kali / tahun

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)



## ii. Bilangan Pelaksanaan Aktiviti

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	0
BT	5.5	1 -2 aktiviti/tahun dikenalpasti dan dilaksanakan
OT	8	3 aktiviti/tahun dikenalpasti dan dilaksanakan
ET	10	> 3 aktiviti/tahun dikenalpasti dan dilaksanakan

### **DOKUMEN SEMAKAN**

Minit mesyuarat dan laporan aktiviti inovasi

### **KAEDAH PELAPORAN**

1. Layari <http://www.facebook.com>
2. Masukkan kata email dan kata laluan negeri/bahagian yang telah disediakan
3. Klik **GROUPS > Penyelaras Inovasi 2014**
4. Di ruangan **Write Post**, perlu ditaip **INISIATIF NO 1 :KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN**
5. Klik tab **Add File** untuk memuatnaik pelaporan di dalam format pdf dan dinamakan seperti *minitmesyuarat\_bil\_tahun*
6. Klik **Post** untuk menghantar laporan
7. Klik **Upload Revision** untuk pelaporan tambahan dan mengulangi langkah 5&6

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

### **PELAKSANA**

JPS Bahagian dan Negeri

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## INISIATIF NO. 2 : PUSAT SUMBER INOVASI

### PENERANGAN

Pusat Sumber Inovasi merupakan satu pusat simpanan atau rujukan secara maya, yang boleh digunakan oleh semua warga untuk semua bahan dan medium berkaitan inovasi seperti video, artikel, website termasuklah laporan pelaksanaan bagi setiap inisiatif yang perlu atau wajib dilaksanakan oleh setiap pejabat berdasarkan KPI seperti terkandung dalam garis panduan ini.

Maklumat-maklumat yang disimpan merupakan sumbangan yang diberikan dan setiap pejabat JPS Bahagian dan Negeri.

### KPI

4 sumbangan / tahun

### SKOR

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	0
BT	8.8	1 - 3 sumbangan
OT	12.8	4 sumbangan
ET	16	> 4 sumbangan

### DOKUMEN SEMAKAN

Video, Artikel, Website, laporan inisiatif PTI dan seumpamanya

### KAEDAH PELAPORAN

1. Layari <http://www.facebook.com>
2. Masukkan kata email dan kata laluan negeri/bahagian yang telah disediakan
3. Klik ke **GROUPS > Penyelaras Inovasi 2014**
4. Di ruangan **Write Post**, perlu ditaip **INISIATIF NO 2 : PUSAT SUMBER INOVASI**
5. Klik tab **Add File** atau add photo/video untuk memuatnaik maklumat dan dinamakan seperti pusatsumberinovasi\_aktiviti
6. Klik **Post** untuk menghantar laporan

### TEMPOH PELAKSANAAN

Sepanjang tahun

### PELAKSANA

JPS Bahagian dan Negeri

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## INISIATIF NO. 3 : PENANDAARASAN atau PEREKAYASAAN

### PENERANGAN

#### Penandaarasan :

Satu proses yang bersistematik dan berterusan untuk mengenalpasti, mempelajari, mengubahsui dan melaksanakan **amalan-amalan terbaik daripada organisasi yang sama atau daripada organisasi yang lain** untuk meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan.

#### **Dokumen rasmi yang perlu dirujuk :**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 1999, Garis Panduan Pelaksanaan Penandaarasan Dalam Perkhidmatan Awam oleh Jabatan Perdana Menteri

#### Perekayasaan :

Satu **perubahan** asas pemikiran dan reka bentuk semula proses dan prosedur kerja **secara radikal** bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

#### **Dokumen rasmi yang perlu dirujuk :**

- i. Manual Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja terbitan MAMPU
- ii. Kit Kerja Perekayasaan Proses dan Proses Kerja terbitan MAMPU

### KPI

1 bidang utama / tahun

### SKOR

#### **Penandaarasan**

Penilaian	Markah	Tahap Proses
NA	0	Tiada proses
BT	8.8	Kenalpasti Rakan Rujuk
OT	12.8	Wujudkan Pelan Tindakan
ET	16	Kajian Semula

#### **Perekayasaan**

Penilaian	Markah	Tahap Proses
NA	0	Tiada proses
BT	8.8	Kenalpasti BPR
OT	12.8	Pelaksanaan
ET	16	Penilaian Semula

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## **DOKUMEN SEMAKAN**

Pelaporan tahap proses

### **KAEDAH PELAPORAN**

1. Layari <http://www.facebook.com>
2. Masukkan kata email dan kata laluan unik yang telah disediakan
3. Klik **GROUPS > Penyelaras Inovasi 2014**
4. Di ruangan **Write Post**, perlu ditaip **INISIATIF NO 3 : PENANDAARASAN atau PEREKAYASAAN**
5. Klik tab **Add File** untuk memuatnaik pelaporan di dalam format .pdf

Dokumen yang perlu dimuatnaik adalah mengikut tahap proses dinilai dinamakan seperti berikut:

#### **UNTUK INISIATIF PENANDAARASAN:**

- i. Info berkenaan rakan rujuk: Nama, alamat, pegawai dihubungi, skop ditandaaras, analisis jurang
- ii. Info berkenaan pelan tindakan mengurangkan jurang: Nama aktiviti, tarikh, status semasa
- iii. Info berkenaan kajian semula: perbandingan sebelum dan selepas pelaksanaan pelan tindakan

#### **UNTUK INISIATIF PEREKAYASAAN:**

- i. Info berkenaan fasa persediaan BPR: nama pasukan BPR, nama proses yang direkayasa,
  - ii. Info berkenaan proses pelaksanaan: analisis jurang, nama aktiviti, tarikh, status semasa
  - iii. Info berkenaan kajian semula: perbandingan sebelum dan selepas pelaksanaan pelan tindakan
6. Klik **Post** untuk menghantar laporan.
  7. Klik **Upload Revision** untuk pelaporan tahap proses baru dan mengulangi langkah 5&6

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

### **PELAKSANA**

JPS Bahagian dan Negeri

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)
OT : On Target (Mencapai sasaran)
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## INISIATIF NO. 4 : PENGURUSAN IDEA

### PENERANGAN

Pengurusan idea diwujudkan bagi mengumpul idea dari warga JPS samada di peringkat Ibu Pejabat, Negeri, Daerah dan Pejabat Projek. Ianya juga diwujudkan bagi menggalakkan pemikiran kreatif di kalangan warga JPS di semua peringkat dan menyumbangkan idea di saluran yang betul bagi meningkatkan mutu perkhidmatan JPS. Bagi menggalakkan cetusan dari lebih ramai warga, pengiktirafan akan diberi kepada Bahagian/Negeri berbanding kepada individu. Pengukuran juga dibuat kepada jumlah idea yang **menepati kriteria** berbanding dengan kuantiti idea yang disumbang. Idea yang disumbangkan oleh warga mestilah jelas dan mudah difahami.

### KRITERIA PENILAIAN IDEA

Bil.	Kriteria	Markah
1	Kos	1 – Peruntukan Pembangunan 3 – Peruntukan Mengurus 5 – Tidak Melibatkan Peruntukan
2	Keaslian	1 – Adaptasi 3 – Asli
3	Kebolehlaksanaan	1 – Melibatkan Faktor Luar 3 – Melibatkan Faktor Dalaman
4	Impak	1 – Sebahagian Warga 3 – Seluruh Warga 5 – Rakyat
		Markah Lulus = <b>8 Markah</b>

### KPI

Bilangan sumbangan diluluskan setahun

### SKOR

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	Tiada idea diluluskan
BT	8.8	1 idea diluluskan oleh urusetia
OT	12.8	2 idea diluluskan oleh urusetia
ET	16	> 2 idea diluluskan oleh urusetia

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## **DOKUMEN SEMAKAN**

- Tiada

## **KAEDAH PELAPORAN**

1. Layari <http://www.facebook.com>
2. Masukkan kata email dan kata laluan unik yang telah disediakan
3. Klik **GROUPS > Penyelaras Inovasi 2014** untuk menghantar idea
4. Di ruangan **Write Post**, perlu ditaip **INISIATIF NO 4 : PENGURUSAN IDEA** dan nyatakan : **IDEA** dan **KETERANGAN IDEA** tersebut
5. Klik **Post** untuk menghantar idea.

## **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

## **PELAKSANA**

JPS Bahagian dan Negeri

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## INISIATIF NO. 5 : PERKONGSIAN & PENYEBARAN MAKLUMAT

### PENERANGAN

Perkongsi aktiviti inovasi secara menyeluruh dengan penggunaan **medium penyebaran** samada bercetak ataupun *virtual* dan media-media sosial.

Contoh liputan:-

- i. Media Cetak (buletin, keratan akhbar, majalah, rencana dan seumpamanya)
- ii. Media Elektronik (radio, televisyen)
- iii. Laman Sosial (facebook, twitter dan seumpamanya)
- iv. Pameran

### KPI

Kumpulan sasaran liputan maklumat

### SKOR

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	Tiada liputan
BT	8.8	1 Liputan kepada warga JPS setempat
	10	> 1 Liputan kepada warga JPS setempat
OT	12.8	1 Liputan kepada seluruh warga JPS
	14	> 1 Liputan kepada seluruh warga JPS
ET	16	Liputan kepada stakeholder/pelanggan

### DOKUMEN SEMAKAN

*Print screen* laman sesawang/ laman sosial, gambar, video aktiviti bagi setiap penyebaran maklumat dan pembuktian aktiviti inovasi.

### KAEDAH PELAPORAN

1. Layari <http://www.facebook.com>
2. Masukkan kata email dan kata laluan unik yang telah disediakan
3. Masuk ke **GROUPS > Penyelaras Inovasi 2014** untuk memuatnaik laporan
4. Di ruangan **Write Post**, perlu ditaip **INISIATIF NO 5 : PERKONGSIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT**
5. Klik tab **Add File** untuk memuatnaik pelaporan
6. Dokumen perlu dinamakan seperti penyebaranmaklumat\_aktiviti
7. Klik **Upload Revision** untuk pelaporan tambahan dan mengulangi langkah 5&6

### TEMPOH PELAKSANAAN

Sepanjang tahun

### PELAKSANA

JPS Bahagian dan Negeri

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melempihi sasaran)



## INISIATIF NO. 6 : KUMPULAN INOVATIF & KREATIF

### PENERANGAN

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) merupakan kumpulan-kumpulan yang ditubuhkan bagi mengenalpasti, menganalisa serta menghasilkan produk atau perkhidmatan inovatif dengan menjalankan penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti untuk jabatan.

Pelaksanaan pertandingan di peringkat JPS akan diadakan secara dwi tahunan yang akan bermula pada tahun genap (bermula tahun 2014) sebagai memberi persediaan kepada pasukan sebelum bertanding. Pada tahun ganjil (bermula tahun 2013), pasukan KIK yang telah bertanding di peringkat JPS pada tahun genap diwajibkan menyertai pertandingan KIK di luar JPS untuk penilaian skor PTI tahun tersebut.

### KPI

1 KIK / Negeri

### SKOR

**TAHUN GANJIL (Mulai 2013)** Penilaian adalah melalui penyertaan di luar JPS

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	Tiada aktiviti
BT	8.8	Penyertaan KIK peringkat lain-lain agensi
OT	12.8	Penyertaan KIK peringkat SUK negeri
ET	16	Penyertaan KIK peringkat Kebangsaan

**TAHUN GENAP (Mulai 2014)** Penilaian adalah melalui pertandingan KIK JPS

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	Tidak menyertai pertandingan
BT	8.8	1 Kumpulan menyertai pertandingan
	10	>1 Kumpulan menyertai pertandingan
OT	12.8	Mendapat pemarkahan panel 50% - 69.9%
	14	Mendapat pemarkahan panel 70% - 79.9%
ET	16	i) Mendapat pengiktirafan 3 terbaik atau ii) 2 kumpulan mendapat pemarkahan panel $\geq 80\%$

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)



## **DOKUMEN SEMAKAN**

**TAHUN 2013** - Sijil penyertaan dan gambar penyertaan

**TAHUN 2014** - Pemarkahan Panel Hakim

## **KAEDAH PELAPORAN**

1. Layari <http://www.facebook.com>
2. Masukkan kata email dan kata laluan unik yang telah disediakan
3. Masuk ke **GROUPS > Penyelaras Inovasi 2014** untuk memuatnaik laporan
4. Di ruangan **Write Post**, perlu ditaip **INISIATIF NO 6 : KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF**
5. Klik tab **Add File** untuk memuatnaik salinan sijil
6. Dokumen perlu dinamakan seperti **sijil\_kik\_pejabat\_tahun**
7. Klik **Upload Revision** untuk tambahan lampiran sekiranya ada dan mengulangi langkah 5&6

## **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

## **PELAKSANA**

JPS Negeri : DIWAJIBKAN

JPS Bahagian : DIGALAKKAN

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## INISIATIF NO. 7 : CABARAN INOVASI

### PENERANGAN

Cabaran Inovasi (CI) JPS merupakan aktiviti penghasilan produk atau perkhidmatan inovasi yang dihasilkan TANPA melalui proses KIK. Ia terbuka kepada individu mahupun berkumpulan.

Mulai tahun 2013, pelaksanaan pertandingan di peringkat JPS akan diadakan secara dwi tahunan yang akan diadakan setiap tahun ganjil (bermula tahun 2013). Pada tahun genap (bermula tahun 2014), setiap pasukan Cabaran Inovasi bahagian yang telah bertanding di peringkat JPS akan dinilai Skor PTI melalui penyertaan aktiviti inovasi di luar JPS.

### KPI

1 CI / Bahagian

### SKOR

**TAHUN GANJIL (Mulai 2013)** Penilaian adalah melalui pertandingan Cabaran Inovasi JPS.

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	Tidak menyertai pertandingan
BT	8.8	Menyertai pertandingan
OT	12.8	Mendapat markah panel 50% - 84.9%
ET	16	Mendapat pemarkahan $\geq$ 85%

**TAHUN GENAP (Mulai 2014)** Penilaian adalah melalui penyertaan luar JPS.

Penilaian	Markah	Sasaran
NA	0	Tiada aktiviti
BT	8.8	Pameran bukan berbentuk pertandingan
OT	12.8	Pameran berbentuk pertandingan <i>atau</i> penyeragaman di peringkat JPS
ET	16	i. Menerima pengiktirafan <i>atau</i> ii. Mendapat perlindungan harta intelek <i>atau</i> ; iii. Pameran berbentuk pertandingan <i>dan</i> penyeragaman di peringkat JPS

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)  
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)  
OT : On Target (Mencapai sasaran)  
ET : Exceed Target (Melepassi sasaran)

## **DOKUMEN SEMAKAN**

**TAHUN 2013** - Pemarkahan Panel Hakim

**TAHUN 2014** - Gambar penyertaan peringkat luar / surat penyeragaman/ nombor fail perlindungan harta intelek

## **KAEDAH PELAPORAN**

1. Layari <http://www.facebook.com>
2. Masukkan kata email dan kata laluan unik yang telah disediakan
3. Masuk ke **GROUPS > Penyelaras Inovasi 2014** untuk memuatnaik laporan
4. Klik file dan pilih dokumen **INISIATIF NO. 7: CABARAN INOVASI\_<nama bahagian>**
5. Klik **Edit doc** dan isikan maklumat yang diperlukan di dalam dokumen tersebut
6. Klik **Save** untuk menyimpan maklumat

## **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

## **PELAKSANA**

JPS Bahagian : DIWAJIBKAN

JPS Negeri : DIGALAKKAN\*

*\*Sila maklumkan kepada urusetia sekiranya berminat*

NA : No Activity (Tiada Aktiviti)
BT : Below Target (Kurang dari sasaran)
OT : On Target (Mencapai sasaran)
ET : Exceed Target (Melempi sasaran)

**PELAN TINDAKAN SPESIFIK  
UNTUK TINDAKAN  
UNIT INOVASI**

**Nota :**

**Unit Inovasi merupakan unit dibawah kendalian Bahagian Audit Prestasi**

## INISIATIF NO. 8 : GALERI INOVASI

### **PENERANGAN**

Galeri Inovasi merupakan satu ruang yang diwujudkan di lobi Ibu Pejabat JPS bagi mempamerkan replika produk-produk inovasi yang telah dihasilkan oleh warga jabatan untuk tatapan umum. Kaedah pelaksanaan akan dibuat melalui penghasilan poster, pameran produk inovasi dan virtual galeri.

### **KPI**

1 galeri yang dikemaskini / tahun

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

## INISIATIF NO. 9 : E-BULETIN INOVASI

### **PENERANGAN**

E-buletin JPS disediakan secara maya bagi melaporkan aktiviti-aktiviti inovasi yang dilaksanakan oleh JPS seluruh Malaysia. Kandungan berpandukan sumbangan berita yang telah diterima dari setiap pejabat melalui Pusat Sumber Inovasi.

### **KPI**

2 e-buletin / tahun

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

Setiap setengah tahun : akhir bulan Jun dan Disember

## INISIATIF NO. 10 : FACEBOOK INOVASI

### **PENERANGAN**

Facebook Inovasi merupakan satu ruangan sosial yang diwujudkan sebagai perkongsian berita/aktiviti inovasi terkini kepada warga JPS.

### **KPI**

- i. 100 like / tahun
- ii. 10 maklumat terkini / bulan

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

## **INISIATIF NO. 11 : BANK INOVASI JPS**

### **PENERANGAN**

Satu pangkalan data yang dibangunkan secara maya untuk menyimpan semua laporan yang dihasilkan oleh Kumpulan Cabaran Inovasi dan Kumpulan Inovatif & Kreatif. Bank Inovasi JPS ini boleh dicapai melalui laman web JPS.

### **KPI**

14 laporan / tahun

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

Sepanjang tahun

## **INISIATIF NO. 12 : PENGHASILAN ARTIKEL DALAM JURNAL JPS**

### **PENERANGAN**

Artikel Inovasi merupakan satu laporan inovasi terbaik yang dihasilkan oleh JPS Bahagian atau Negeri dan dimuatkan sebagai artikel dalam Jurnal JPS yang dikeluarkan oleh HTC KL.

### **KPI**

1 artikel / tahun

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

Suku tahun pertama

## **INISIATIF NO. 13 : HARI INOVASI JPS**

### **PENERANGAN**

Hari Inovasi merupakan satu majlis yang diadakan bagi meraikan keberhasilan inovasi di JPS Malaysia dengan memberikan penganugerahan kepada individu, kumpulan dan pejabat yang telah melaksanakan inovasi selain menyahut seruan Y.A.B Perdana Menteri dan meraikan inovasi dan kreativiti warga.

### **KPI**

1 majlis / tahun

### **TEMPOH PELAKSANAAN**

November

# SCORECARD PENGARAH BAHAGIAN & NEGERI

PELAN TINDAKAN SPESIFIK UNTUK JPS BAHAGIAN & NEGERI								
Inisiatif	Perkara	KPI	Penilaian				Untuk Tindakan	
			NA	BT	OT	ET	JPS Negeri	JPS Bahagian
1	Komitmen Pengurusan Atasan	Kekerapan mesyuarat	0	5.5	8.0	10	√	√
		Bilangan pelaksanaan aktiviti	0	5.5	8.0	10		
2	Pusat Sumber Inovasi	4 sumbangan /tahun	0	8.8	12.8	16	√	√
3	Penandaarasan ATAU	1 bidang utama/tahun	0	8.8	12.8	16	√	√
	Perekayasaan		0	8.8	12.8	16		
4	Pengurusan Idea	2 idea diluluskan	0	8.8	12.8	16	√	√
5	Perkongsian & Penyebaran Maklumat	Kumpulan sasaran liputan maklumat	0	8.8	12.8	16	√	√
6	Kumpulan Inovatif & Kreatif	Penyertaan pertandingan peringkat JPS	0	8.8	12.8	16	√	Digalakkan
7	Cabaran Inovasi	Penyertaan pertandingan Cabaran Inovasi di luar JPS	0	8.8	12.8	16	Digalakkan	√
<b>JUMLAH</b>			<b>0</b>	<b>55</b>	<b>80</b>	<b>100</b>		

## Skala Pemarkahan Keseluruhan

Skala	Keterangan	Skala Markah
EBT	Sangat Di Bawah Sasaran	0% - 49%
BT	Di Bawah Sasaran	50% - 79%
OT	Menepati Sasaran	80% - 89%
ET	Melempi Sasaran	90% - 100%

# SENARAI AHLI MAKMAL

## Pengerusi :

Ir. Amiruddin bin Alaldin (Pengarah Bahagian Audit Prestasi)

## Penyelaras :

Unit Inovasi, Bahagian Audit Prestasi

AHLI JAWATANKUASA PENYELARAS INOVASI					
BAHAGIAN			NEGERI		
1	BPK	En. Shazenas bin Jamaluddin	1	Kedah	En. Mohd Daud bin Hamid
2	BPLSZP	Ir. Arman bin Mokhtar	2	Pahang	Pn. Nang Jamilah Hj. Nik Omar
3	BPB	En. Ahmad bin Darus	3	Johor	En. Amil Hamja bin Ali Hussin
4	BSAH	En. Mohamad Radzi bin Abdul Talib	4	Perak	Pn. Nor Rozaini binti Abdullah
5	BRE	En. Ganesan A/L Balakrishnan	5	Selangor	Ir. Marenawati binti Abd Malek
6	HTC	Pn. Rohani bin Ahmad	6	Melaka	En. Ahmad Fazili Abdul Hamid
7	BKP	Cik Nurul Niza binti Nasaruddin	7	N. Sembilan	Pn. Nur Syafawati binti Sulaiman
8	BKOR	Ir. Rozman bin Mohamad	8	Pulau Pinang	En. Mohd Shahman bin Shaari
9	BSMA	En. Mohd Hasrulhisham bin Abdullah	9	Sabah	En. Jinuin bin Ongul
10	BBI	En. Ahmad Tarmizi bin Mat Taib	10	Perlis	En. Mahidi bin Mahamood
11	BPM	Pn. Mona Liza binti Ja'afar			En. Almuiddin bin Idris
12	BPMI	En. Hasan bin Abdul Majid	11	Terengganu	Pn. Nadiyah binti Abdul Kadir
13	BPME	En. Muhammad Zaim bin Dzul Haimi	12	Kelantan	Hjh Zainin binti embong
		Pn. Wan Azliza binti Wan Aziz			En. Wan Mohd Asraff Wan Hanafi
14	BUBPK	En. Sayed Yazid Sayed Jamaluddin Safri	13	WPKL	Pn. Meskiah binti Ahmad
					Pn. Zarinah binti Zainal
14	WP	Putrajaya	14	WP	En. Mohd Shafiq bin Jabir
15	Sarawak		15	Sarawak	Tidak Hadir
16	WP Labuan		16	WP Labuan	



## **PENUTUP**

Perkhidmatan awam berhadapan dengan cabaran yang bukan sekadar untuk mengekalkan kecemerlangan tetapi juga untuk terus mempunyai daya tahan yang tinggi. Penjawat awam hendaklah memupuk minda dan sikap ke arah meningkatkan sifat inginkan kecemerlangan. Perkhidmatan awam memerlukan pegawai-pegawai yang profesional, kompeten, berdaya saing dan berdaya tahan untuk terus kekal relevan di alaf baru.

Panduan Pelaksanaan Inovasi yang disediakan ini memberi kemudahan kepada semua warga JPS seluruh Malaysia untuk menjayakan dan menerapkan pembudayaan inovasi dalam melaksanakan tugas harian bagi tujuan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan JPS Malaysia kepada pelanggan.